

SIARAN MEDIA

SIARAN SEGERA
23 Februari 2015

ACARA KEMUNCAK SAMBUTAN "SAFER INTERNET DAY" 2015 PERINGKAT KEBANGSAAN DI KUALA LUMPUR TURUT DIRAIKAN BERSAMA WARGA JAKARTA, INDONESIA.

Anjuran CyberSecurity Malaysia, acara berlangsung pada 23 Februari 2015 (Isnin) di Maktab Tentera DiRaja (RMC), Sg. Besi, Kuala Lumpur, dengan lintas langsung ke Jakarta, Indonesia atas kerjasama *Indonesia Security Incident Response Team of Internet Infrastructure (ID-SIRTII)*.

KUALA LUMPUR (23 Februari 2015) - CyberSecurity Malaysia, dengan sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini menyambut Safer Internet Day 2015 dengan perbagai aktiviti menarik termasuk lintas langsung ke negara jiran. Safer Internet Day disambut di lebih 100 negara. Di Malaysia, Safer Internet Day disambut sejak 2010, sebagai salah satu inisiatif CyberSecurity Malaysia, di bawah program kesedaran dan pembudayaan keselamatan siber yang digelar CyberSAFE (cybersecurity awareness for everyone).

Dalam ucaptama YB Datuk Dr Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Menteri MOSTI, beliau berkata: "Program CyberSAFE adalah selaras dengan salah satu dari sembilan Teras Strategik MOSTI, iaitu Teras Pertama: '**Membangunkan modal insan dalam Sains, Teknologi dan Inovasi ke arah menjana dan meningkatkan ekonomi berdasarkan pengetahuan dan berpandukan Model Inovasi**'. Maka sambutan Safer Internet Day bukan sahaja relevan dengan program CyberSAFE, malahan ia juga menepati matlamat teras strategik MOSTI."



Securing Our Cyberspace



Best Brand
Internet Security
2008 & 2009



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001
CERT NO: A00001
074



MS ISO/IEC 17025
TESTING
SAMM NO. 456
(MPEP LABORATORY)



MSC
MALAYSIA
Status Company



T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my

Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia pula menceritakan pengalaman beliau menyambut Safer Internet Day 2014 dan 2015: “Tahun lepas kami meraikan Safer Internet Day 2014 di Melaka bersama komuniti di sana. Untuk tahun ini, kami amat berbesar hati kerana pihak RMC sudi menjadi hos dan rakan kerjasama CyberSecurity Malaysia. Salah satu aktiviti yang agak unik sempena sambutan Safer Internet Day kali ini ialah lintas langsung menerusi Skype ke Jakarta, Indonesia. CyberSecurity Malaysia bekerjasama dengan *Indonesia Security Incident Response Team of Internet Infrastructure (ID-SIRTII)* untuk bersama-sama meraikan Safer Internet Day pada hari dan masa yang sama. YB Timbalan Menteri MOSTI sendiri berbual dengan rakan kerjasama di Jakarta secara langsung dan menyaksikan kemeriahahan sambutan di sana.”

Tahun ini adalah tahun ke-enam sambutan Safer Internet Day di Malaysia. Setiap tahun, secara rasminya Safer Internet Day disambut pada hari ke-dua, minggu kedua dan bulan ke-dua, iaitu jatuh pada tanggal 10 Februari 2015. Walau bagaimanapun, CyberSecurity Malaysia meraikan Safer Internet Day selama sebulan iaitu sepanjang bulan Februari supaya lebih ramai pengguna ruang siber yang mendapat manfaatnya. Pada tahun ini, Acara Kemuncak Sambutan Safer Internet Day berlangsung di Maktab Tentera DiRaja (RMC), dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, RMC, Digi, ID-SIRTII dan sokongan berterusan dari MOSTI.

“Saya berharap semoga usaha murni ini dapat diteruskan dan berjaya mencapai matlamatnya untuk membudayakan amalan positif, berhemah dan beretika dalam kalangan pengguna Internet”, kata Dr. Amirudin lagi.

-TAMAT-

CyberSecurity Malaysia, agensi di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) adalah bertanggungjawab memastikan keselamatan dan pertahanan ruang siber negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di <http://www.cybersecurity.my> atau telefon +603-89926888.

Untuk Perhubungan Media, sila hubungi Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) atau Sandra Isnaji (ext: 6977). Sila e-mel pertanyaan media ke: media@cybersecurity.my.

NOTA TAMBAHAN:

TEMA "**SAFER INTERNET DAY**" PADA TAHUN INI ADALAH "**LET'S CREATE A BETTER INTERNET TOGETHER**". SELARAS DENGAN TEMA INI, SAMBUTAN "**SAFER INTERNET DAY**" DI MALAYSIA MENEKANKAN KEPADA TIGA (3) ELEMEN UTAMA IAITU:

- (1) "**PASSWORD**" ATAU KATA LALUAN HENDAKLAH SUSAH DITEKA, DAN MESTI DIJAGA KERAHSIANNYA
- (2) "**KNOW PRIVACY SETTINGS**". DALAM KEGHAIRAHAN UNTUK MENGGUNAKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL, JANGAN PULA KITA MENGABAIKAN TETAPAN PRIVASI BAGI SETIAP PLATFORM ATAU APLIKASI YANG DIGUNAKAN
- (3) "**CARE BEFORE SHARE**".INI BERMAKNA SEBELUM KITA MENGHEBAHKAN ATAU BERKONGSI APA JUA MAKLUMAT DAN INFORMASI, KITA HARUS SENTIASA BERWASPADA DENGAN TINDAKAN YANG BAKAL DIAMBIL. PASTIKAN MAKLUMAT ATAU INFORMASI YANG DIKONGSIKAN ADALAH TEPAT.